



SIARAN AKHBAR

FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA (FIM) 2018 : PNS SEDIA MEMPROMOSIKAN INDUSTRI FRANCAIS MALAYSIA DENGAN LEBIH GIAT

BANGSAR SOUTH, 19 April 2018 – Perbadanan Nasional Berhad (PNS) akan menyertai Franchise International Malaysia (FIM) 2018 yang berlangsung pada 20-22 April 2018 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Seperti tahun – tahun sebelum ini, PNS menjadi penaja utama bagi program FIM 2018 selaras dengan peranan PNS yang menyokong penganjuran program ini dalam membantu pembangunan industri francais negara.

FIM 2018 anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Persatuan Francais Malaysia (MFA) yang merupakan anjuran kali ke-25 diadakan bertujuan mempromosikan perniagaan francais dan meningkatkan sistem perniagaan francais sebagai suatu sistem yang mempunyai potensi di samping melahirkan lebih ramai usahawan francais di Malaysia. FIM 2018 akan dijadikan platform untuk PNS mempromosikan peranan, produk dan perkhidmatan PNS dengan memberikan pendedahan kepada usahawan-usahawan melalui maklumat dan khidmat nasihat selain membuka peluang kepada usahawan berpotensi untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui jaringan kerjasama strategik antara PNS dengan usahawan-usahawan francais sedia ada.

PNS akan membina Pavilion korporat dan akan mempromosikan peranan dan produk yang melibatkan penyertaan dari Bahagian Operasi Perniagaan, Akademi PNS, Bahagian Hartanah dan Pelaburan PNS. Bagi pengunjung atau usahawan

yang berminat untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam mengenai perniagaan francais, Akademi PNS menyediakan kursus dan latihan bagi mendalami bidang ini secara lebih lanjut. PNS juga turut mengadakan sesi konsultasi dan 'business pitching' bagi memberikan informasi mengenai bidang francais kepada pengunjung yang hadir. Selain itu, PNS bekerjasama dengan Solviepro, iaitu pemenang utama Varsity Entrepreneurship Skills and Talents (VEST) 2017 bagi membina aplikasi 'job placement' bagi francaisor-francaisor mencari pekerja di mana pengunjung yang hadir boleh memohon secara 'online' menggunakan aplikasi yang disediakan.

Pengunjung juga berpeluang mendapatkan informasi mengenai pelaburan dan pengurusan hartanah yang dijalankan oleh PNS dan lokasi hartanah PNS yang bersesuaian untuk disewa seperti lot pejabat dan 'street mall'. Selain itu, PNS akan juga mempromosikan salah satu aset hartanah yang dimiliki sepenuhnya oleh PNS iaitu Pusat Latihan dan Resort, Serene yang terletak di Janda Baik, Pahang.

PNS juga turut memberi peluang kepada usahawan-usahawan yang berpotensi untuk melabur dan bekerjasama bersama PNS dalam membantu membangunkan perniagaan mereka. Antara jenama-jenama yang bekerjasama bersama PNS yang turut serta dalam program kali ini adalah Abdul Samad Al-Qurashi (ASQ), iaitu jenama minyak wangi daripada Timur Tengah dan jenama 1901, iaitu jenama perniagaan makanan berasaskan 'hot dog' yang membuat 'come-back' di mana jenama ini merupakan salah satu pelaburan di bawah PNS. 1901 telah diberikan penjenamaan semula dan diperkenalkan kembali dengan imej baharu dan dipromosikan dengan pemberian 'sampling' makanan secara percuma kepada pengunjung yang hadir.

Penglibatan anak syarikat PNS iaitu Gloria Jean's Coffees (GJC) tidak dilupakan bagi mempromosikan produk-produk di bawah jenama ini selain daripada

memperkenalkan konsep dan menu minuman baharu daripada GJC serta platform media sosial terbaru GJC melalui LinkedIn.

Seperti penyertaan-penyertaan yang terdahulu, PNS turut membantu usahawan 'Business In Transformation' (BIT) memperkenalkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka ke pasaran yang lebih luas di mana kali ini sebanyak lima (5) buah syarikat BIT menyertai FIM 2018 iaitu Ar Nursing, Mudah Vending System, Zaman Diary, Oblong Burger dan Tishas. Pengarah Urusan PNS, Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin berkata "Dengan usaha yang dijalankan ini, saya mengharapkan lebih ramai usahawan francais mengenali PNS dan sekaligus dapat membentuk satu kerjasama baharu di antara PNS bersama penggiat-penggiat francais daripada dalam dan luar negara dalam berkongsi pengalaman, ilmu pengetahuan dan kepakaran bagi membantu menjadikan Malaysia sebagai hab francais di Asia Tenggara."

Selain itu, kepada pengunjung yang hadir dan mempunyai minat dalam bidang pengacaraan dan membaca berita, PNS turut menyediakan 'mockup' studio kepada mereka yang berbakat untuk menyertai ujibakat 'Spotlight TV Presenter'. Spotlight TV merupakan saluran penyampaian informasi terkini terbitan PNS mengenai produk, perkhidmatan dan memperkenalkan serta memasarkan usahawan-usahawan di bawah PNS. Seramai enam (6) peserta terbaik akan dipilih sebagai pemenang bagi menerima hadiah utama berbentuk hamper.

Untuk urusan media, sila hubungi: Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat melalui emel, hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNS)

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) adalah sebuah agensi yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.

POSTER AKTIVITI PNS DI FIM 2018

FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2018

Visit PNS Pavilion, ASQ and Gloria Jean's Coffees for exciting activities and prizes to be won.
Save the date and join in the fun!

20 APRIL - 22

25th International Franchise Exhibition & Conference
FIM 2018
FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2018
20th 22nd | 10am - 6pm
APRIL 2018
Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC

Perbadanan Nasional Berhad | pnsmy | pnsmy | www.pns.com.my

Logos included: PNS PERBADANAN NASIONAL BERHAD, Abdul Samad al-Ghifash, Gloria Jean's COFFEES, Tisha's, blong, ZAMAN DAIRY FARM, muoh.



PNS
PERBADANAN NASIONAL BERHAD



عبد الصمد القرشي
ABDUL SAMAD AL QURASHI



Up to 30% Discount
On ASQ Products



Daily Giveaway

INTERESTING PRIZES TO BE WON!



20th International Franchise Exhibition & Conference
FIM 2018
FRANCHISE INTERNATIONAL
MALAYSIA 2018

20th 22nd | 10am - 6pm
APRIL 2018
Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC



Perbadanan Nasional Berhad



pnsmy



pnsmy



www.pns.com.my



PNS
PERBADANAN NASIONAL BERHAD



عبد الصمد القرشي
ABDUL SAMAD AL QURASHI

300 DISCOUNT VOUCHERS

Up For Grabs



20th International Franchise Exhibition & Conference
FIM 2018
FRANCHISE INTERNATIONAL
MALAYSIA 2018

20th 22nd | 10am - 6pm
APRIL 2018
Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC

Step 1: Like and follow PNS page

Step 3: Post the picture and #asqmalaysia #pnsmy #fim2018

Step 2: Take a picture of ASQ products or at ASQ booth

Step 4: Show us and redeem your prize!



Perbadanan Nasional Berhad



pnsmy



pnsmy



www.pns.com.my





FIM 2018 20th 22nd | 10am - 6pm
 FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2018 APRIL 2018 Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC

VISIT PNS BOOTH

to get your hands on these yummy treats!



VISIT US
AT ASQ
BOOTH!



Offer discount up to 30% on all products during FIM2018



10 special gifts daily for visitors that participates in our activity at the Kiosk/PNS Pavilion/Spotlight Space



20 APRIL 22



عبد الصمد القرشي
ABDUL SAMAD AL QURASHI



Step 1

 Like and follow PNS page

Step 2

 Take a picture of ASQ products or at ASQ booth

Step 3

Post the picture and #asqmalaysia #pnsmy #fim2018

Step 4

Show us and redeem your prize!


FIM 2018 20th 22nd | 10am - 6pm
 FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2018 APRIL 2018 Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC

 Perbadanan Nasional Berhad
  pnsmy
  pnsmy
  www.pns.com.my